

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Dalam Bab 4 ini, penulis membentangkan data-data yang terdiri daripada bentuk-bentuk leksikal dan frasa-frasa BA yang membawa masalah makna dalam penterjemahan RIB kepada PIB dalam BM. Analisis akan dilaksanakan berdasarkan metodologi yang dijelaskan dalam Bab 3. Penulis membahagikan analisis kepada dua bahagian. Bahagian pertama merupakan analisis kuantitatif yang menggunakan perangkaan dengan paparan jadual dan carta bar. Bahagian kedua merupakan analisis kualitatif yang akan menghuraikan secara terperinci 5 item leksikal bagi makna konotasi, 5 item leksikal bagi makna denotasi dan 5 item frasa bagi makna idiomatik.

4.1 Peringkat Pertama: Huraian Kuantitatif

4.1.1 Jadual Kekekapan Masalah Utama Dalam Penterjemahan

Jadual kekekapan masalah utama dalam penterjemahan dibuat dengan mengelompokkan bentuk leksikal dan frasa di bawah tiga kategori makna iaitu denotasi, konotasi dan idiomatik. Walau bagaimanapun, penulis tidak akan memecahkannya kepada klasifikasi-klasifikasi yang lebih kecil seperti yang dilakukan untuk analisis kualitatif kerana penulis hanya bertujuan membandingkan antara tiga kategori makna tersebut serta mengenal pasti kategori makna yang paling banyak menimbulkan masalah.

Untuk membina jadual kekerapan ini, penulis telah membaca teks RIB dalam BA dan BM, menanda dan mengira semua bentuk leksikal dan frasa yang menimbulkan masalah makna dalam menterjemah teks tersebut ke dalam BM. (Sila lihat lampiran 1 dan lampiran 2).


4.1.2 Jadual Kekerapan Masalah Makna dalam Bab 1, PIB “Barat Laut Afrika dan Mesir”

Dalam Bab 1 karya PIB, penulis-penterjemah menemui 158 item leksikal bagi masalah makna denotasi, 23 item leksikal bagi masalah makna konotasi dan 7 item frasa bagi masalah makna idiomatik. Fakta ini diperjelaskan menerusi jadual dan carta bar yang berikut.

Jadual 5
Kekerapan Masalah Makna dalam Bab 1, “Barat Laut Afrika dan Mesir” PIB

Kategori Makna	Sumber Data	Kekerapan Masalah	Peratus Kekerapan
Makna Denotasi	Item leksikal	158	84.04
Makna Konotasi	Item leksikal	23	12.24
Makna Idiomatik	Frasa	7	3.72
Jumlah		188	100

Carta Bar 1
Carta Bar Kekerapan Masalah Makna dalam Bab 1, “Barat Laut Afrika dan Mesir” PIB



Jadual 5 di atas seperti yang digambarkan dalam Carta bar 1 menunjukkan kekerapan leksikal dan frasa daripada kategori makna denotasi, konotasi dan idiomatik yang menimbulkan masalah makna kepada penulis-penterjemah apabila menterjemah untuk Bab 1, “Barat Laut Afrika dan Mesir”, PIB. Daripada jadual di atas, makna denotasi mengandungi 158 item leksikal dengan kekerapan 84.04%. Makna konotasi pula menampilkan 23 item leksikal dengan kekerapan 12.24% sementara makna idiomatik pula mempunyai hanya 7 frasa idiomatik dengan kekerapan 3.72%.

Daripada Jadual 5 dan Carta Bar 1 dapat dirumuskan bahawa dalam genre sastera pengembaraan RIB, masalah penterjemahan makna denotasi dengan kekerapan 84.04% merupakan masalah yang paling kerap dihadapi oleh

penterjemah. Ini diikuti oleh masalah makna konotasi dengan 12.24% dan seterusnya masalah makna idiomatik dengan 3.72%.

Antara item leksikal yang kerap berulang dalam kategori makna denotasi ialah *zawiyah*, *dinar*, *dirham* dan *farsakh*. Item leksikal yang kerap berulang ini kesemuanya daripada klasifikasi *thematic realia* seperti yang dinyatakan oleh Florin. *Zawiyah* dan *madrasah* mewakili tema agama sementara *dinar*, *dirham* serta *farsakh* mewakili tema mata wang dan ukuran.

Makna konotasi pula dengan kekerapan 12.24% merupakan masalah kedua yang dihadapi oleh penulis-penterjemah. Kekerapan sebanyak 12.24% ini menunjukkan bahawa tidak terdapat banyak perbezaan makna konotasi yang serius dan sensitif antara BA dan BM. Walau bagaimanapun, penterjemah tetap perlu peka dengan faktor lexis dan budaya serta semua konteks sejarah, masa dan tempat dalam kerja penterjemahan. Antara item leksikal yang kerap berulang dalam kategori makna konotasi ini ialah *قبر* (*qabr*) yang diterjemahkan kepada 'makam' apabila yang disemadikan itu ialah orang yang mulia kedudukannya dan *فقير* iaitu orang yang meninggalkan kenikmatan dunia dan berpaling kepada Allah semata-mata yang diterjemahkan kepada *faqir* (pinjam terjemah dengan huruf condong).


Makna idiomatik pula dengan kekerapan 3.72% merupakan kategori makna yang paling sedikit menimbulkan masalah kepada penterjemah. Walaupun jumlah kategori ini tidak banyak, penterjemah tetap perlu peka dengan frasa idiomatik ini supaya tidak tergelincir dalam kesalahan dan kesilapan interpretasi yang mencacatkan mutu terjemahan.

Dalam Bab 2 pula, penulis-penterjemah menemui 114 item leksikal bagi masalah makna denotasi, 34 item leksikal bagi masalah makna konotasi dan 2 frasa bagi masalah makna idiomatik. Fakta ini diperjelaskan oleh jadual dan carta bar yang berikut.

Jadual 6
Kekerapan Masalah Makna Dalam Bab 2, "Syam" PIB

Kategori Makna	Sumber Data	Kekerapan Masalah	Peratus Kekerapan
Makna Denotasi	Item leksikal	114	75.50
Makna Konotasi	Item leksikal	34	22.52
Makna Idiomatik	Frasa	3	1.98
Jumlah		151	100

Carta Bar 2
Carta Bar Kekerapan Masalah Makna Dalam Bab 2, "Syam" PIB



Jadual 6 seperti yang digambarkan dalam Carta Bar 2 menunjukkan kekerapan masalah makna denotasi, konotasi dan idiomatik dalam Bab 2 “Syam”, PIB. Jadual 3 ini menunjukkan bahawa masalah penterjemahan makna denotasi merupakan masalah utama dengan kekerapan 75.50% dan diikuti dengan masalah penterjemahan makna konotasi dengan kekerapan 22.52% serta makna idiomatik dengan kekerapan 1.98%.

Antara item leksikal yang kerap berulang dalam kategori makna denotasi dalam Bab 2, “Syam” ini ialah *zawiyah*, *maristan*, *mamluk*, *maqsurah*, *dinar*, *dirham* dan *farsakh*. Kesemua item leksikal ini kecuali *mamluk* merupakan item leksikal daripada klasifikasi *thematic realia*, sementara *mamluk* pula boleh digolongkan ke dalam *geographical realia*.

Sementara itu, item leksikal yang kerap berulang dalam kategori makna konotasi ialah *makam* dan *faqir*. Hanya terdapat satu item leksikal sahaja yang mempunyai perbezaan makna konotasi yang ketara berdasarkan klasifikasi kedua yang diutarakan oleh Baker iaitu perkataan al-Sudan yang diterjemahkan kepada orang berkulit hitam. Sampel ini hanya terdapat dalam Bab 2, “Syam”, PIB. Berdasarkan kekerapan 22.52%, makna konotasi merupakan masalah yang agak sederhana dalam penterjemahan Bab 2, PIB.

Berbanding makna denotasi dan konotasi, makna idiomatik hanya membentuk kekerapan sebanyak 1.98% dengan jumlah hanya tiga frasa idiomatik dalam Bab 2, PIB. Antara tiga frasa tersebut, hanya satu sahaja yang baru sementara yang dua lagi menyamai frasa idiomatik yang terdapat dalam Bab 1,

PIB. Data ini menunjukkan bahawa masalah penterjemahan makna idiomatik tidak banyak dihadapi oleh penulis-penterjemah dalam Bab 2, PIB ini.

Seterusnya, silang banding jadual kekerapan masalah makna antara Bab 1 dan Bab 2, PIB ditunjukkan seperti yang berikut:


Jadual 7

Silang Banding Jadual Kekerapan Masalah Makna antara Bab 1, PIB “Barat Laut Afrika dan Mesir” dan Bab 2 PIB “Syam”

Kategori Makna	Kekerapan Masalah Bab 1	Kekerapan Masalah Bab 2	Jumlah Kekerapan Masalah	Peratusan Kekerapan Masalah
Denotasi	158 (84.04%)	114 (75.50%)	272	80.24
Konotasi	23 (12.24%)	34 (22.52%)	57	16.81
Idiomatik	7 (3.72%)	3 (1.98%)	10	2.95
	188	151	339	100

Carta Bar 3

Carta Bar Silang Banding Kekerapan Masalah Makna antara Bab 1, PIB “Barat Laut Afrika dan Mesir” dan Bab 2 PIB “Syam”



Jadual 7 seperti yang digambarkan oleh Carta Bar 3 menunjukkan silang perbandingan antara jadual 5 dan jadual 6 dan jumlah kekerapan masalah makna data-data kajian ini. Daripada Jadual 7 ini dapat dirumuskan bahawa penulis-penterjemah paling banyak menghadapi masalah menterjemah makna denotasi dengan kekerapan 84.04% dalam Bab 1 dan kekerapan 75.50% dalam Bab 2. Seterusnya, penulis-penterjemah menghadapi masalah menterjemah makna konotasi dengan kadar yang sederhana iaitu 12.24% dalam Bab 1 dan 22.52% dalam Bab 2. Akhir sekali, penulis-penterjemah menghadapi masalah menterjemah makna idiomatik dengan kadar kekerapan yang amat kecil iaitu 3.72% dalam Bab 1 dan 1.98% dalam Bab 2.

Daripada jadual silang banding ini dapat disimpulkan bahawa dalam dua bab pertama karya PIB iaitu Bab 1 dan Bab 2, penterjemah paling kerap menghadapi kerumitan penterjemahan makna denotasi iaitu sebanyak 80.24%. Penterjemah juga berhadapan dengan masalah makna konotasi iaitu sebanyak 16.81% dan makna idiomatik sebanyak 2.95%.

Jadual silang banding ini juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga kategori masalah makna didapati dalam kedua-dua Bab 1 dan Bab 2. Walau bagaimanapun, dapat diperhatikan bahawa peratusan masalah makna konotasi dalam Bab 2 seperti yang digambarkan oleh Carta Bar 3 iaitu sebanyak 22.52% adalah lebih banyak daripada peratusan masalah makna konotasi dalam Bab 1 iaitu sebanyak 12.24%. Pada masa yang sama, dapat diperhatikan juga bahawa peratusan bagi masalah makna konotasi dan makna denotasi telah menurun antara

Bab 1 dan Bab 2 iaitu bagi makna konotasi 84.04% pada Bab 1 berbanding 75.50% dalam Bab 2 dan bagi makna idiomatik 3.98% dalam Bab 1 berbanding 1.98% dalam Bab 2. Hal ini menunjukkan bahawa sekalipun paten atau pola masalah adalah sama, tetapi data-data bermasalah mungkin muncul dengan lebih banyak pada bab yang baru. Oleh sebab itulah, peratusan masalah makna konotasi adalah lebih tinggi dalam Bab 2 berbanding dalam Bab 1.

Bab 1 dan Bab 2 mengandungi 112 halaman daripada keseluruhan 23 bab PIB yang mengandungi 817 halaman. Ini bermakna Bab 1 dan Bab 2 membentuk 13.70% daripada kandungan 23 bab PIB. Di sini dapat disimpulkan bahawa pola kekerapan masalah makna denotasi, konotasi dan idiomatik yang terdapat dalam Bab 1 dan Bab 2 dapat memberi gambaran awal bahawa masalah tersebut juga wujud dalam keseluruhan populasi iaitu keseluruhan 23 bab yang terdapat dalam karya PIB sekalipun setiap bab tidak semestinya menunjukkan masalah peningkatan atau pengurangan yang sama. Dapatan ini membolehkan penterjemah bersedia secara konsisten dengan strategi dan teknik penyelesaian yang digunakan apabila menghadapi item leksikal atau frasa bermasalah tersebut dalam bab-bab yang lain.

4.2 Peringkat Kedua: Huraian Kualitatif

Dalam analisis kualitatif ini, penulis menganalisis 5 item leksikal bermasalah makna denotasi, 5 item leksikal bermasalah makna konotasi dan 5 item frasa bermasalah makna idiomatik.

4.2.1 Makna Denotasi

Sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 3, penulis akan menggunakan model Florin (1993) untuk menganalisis masalah penterjemahan makna denotasi. Item-item leksikal yang mempunyai masalah makna denotasi akan dilihat berdasarkan tiga klasifikasi Florin tersebut iaitu *thematic realia*, *geographical realia* dan *temporal realia*. Walaupun data-data untuk masalah makna denotasi adalah terlalu banyak, penulis menghadkan hanya lima data sahaja untuk dianalisis.

4.2.1.1 Klasifikasi Pertama : Masalah Menterjemah Makna Denotasi Berdasarkan Tema (*Thematic Realia*)

Data 1 : Contoh Tema Ukuran

وهو على تل مرتفع ومسافة ما بينه وبين المدينة فرسخ واحد في بر
مستطيل يحيط به البحر من ثلاث جهات إلى أن يتصل البحر بسور
البلد، فلا يمكن التوصل إلى المنار في البر إلا من المدينة

RIB, 1954: 21

Rumah api ini terletak di atas bukit yang tinggi dan jarak perjalanan di antara rumah api ini dengan kota ialah satu *farsakh*. Perjalanan ke rumah api ini merentangi jalan daratan yang panjang yang dikelilingi oleh laut pada tiga penjuru sehinggalah ke suatu jarak di mana lautan ini berdekatan dengan pintu kota negeri. Oleh itu, tiada seorang pun yang dapat pergi ke rumah api ini melainkan dari dalam kota.

PIB, Bab 1:23

Dalam contoh ini, فرسخ (*farsakh*) merupakan item leksikal yang membawa makna denotasi tentang ukuran jarak tradisional yang sukar diterjemahkan. Dalam sebuah teks RIB yang berusia 640 tahun, jarak diukur dengan ukuran yang dikenali dan diketahui pada zaman tersebut. Dalam menghadapi masalah ini, penterjemah menggunakan strategi pinjam terjemah (*calque*) untuk menterjemah perkataan ini. Keputusan ini diambil oleh penterjemah demi mengekalkan nilai klasik karya RIB. Walau bagaimanapun, penterjemah tidak membiarkan pembaca sasaran mencari-cari apakah nilai jarak ukuran *farsakh* ini. Dalam glosari (PIB,843 (sila lihat lampiran tiga)), penterjemah menyatakan jarak ukuran *farsakh*, “Satu *farsakh* adalah bersamaan 3 batu atau 4.8 kilometer”. Penterjemah RIB mengambil inisiatif untuk menjelaskan ukuran jarak ini dengan merujuk karya lain yang berkaitan. Dr. Muhammad `Imarah menjelaskan dalam karyanya *Qamus al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah fi al-Hadarah al-Islamiyyah* (1989, 426), “الفرسخ، بفتح الفاء وسكون الراء وفتح السين والجمع الفراسخ في المقاييس ثلاثة أميال” yang bermaksud bahawa menurut ukuran, *farsakh* bersamaan tiga batu.

Penyelesaian terjemahan sebegini rupa dapat mengekalkan nilai-nilai asing teks asal. Nilai seperti inilah yang dinamakan *foreignizing translation* yang dinyatakan oleh Venuti. Jika penterjemah terus menukarkan jarak *farsakh* kepada batu atau kilometer dan meletakkannya terus ke dalam teks, sudah tentu warna dan latar belakang sejarah tempatan akan hilang. Manakala pembaca pula terus tidak mengenali istilah *farsakh* yang digunakan untuk menyatakan jarak pada zaman karya ditulis.

Data 2 : Contoh Tema Agama

وكل زاوية بمصر معينة لطائفة من الفقراء وأكثرهم الأعاجم، وهم
أهل أدب ومعرفة بطريقة التصوف، ولكل زاوية شيخ وحارس،
وترتيب أمورهم عجيب.

RIB, 1964: 38

Setiap *zawiyah* di Mesir ini dikhususkan untuk golongan *faqir* yang kebanyakannya terdiri daripada orang bukan Arab (orang Parsi). Mereka ini memiliki adab dan ilmu pengetahuan tasawuf. Di setiap *zawiyah*, ada seorang syeikh dan seorang penjaga. Pengendalian aktiviti-aktiviti mereka di *zawiyah* sungguh mengagumkan.

PIB, Bab 1: 42

Dalam contoh ini, زاوية (*zawiyah*) membawa makna denotasi tentang tempat bagi menjalani kehidupan beragama dan kehidupan sufi yang sukar untuk diterjemahkan. Kamus Dewan (1994, 1558) memberikan makna "surau" untuk perkataan 'zawiat'. Tetapi, makna surau dalam konteks masyarakat Melayu adalah berbeza dengan *zawiyah* dalam konteks masyarakat Islam Arab tradisional. 'Surau' merupakan tempat beribadah (sembahyang, belajar agama dan lain-lain) masyarakat Islam di Malaysia tetapi *zawiyah* merupakan tempat perhimpunan ahli sufi yang terdiri daripada golongan *faqir* yang dibimbing oleh seorang syeikh yang berpengetahuan tasawuf dan beradab mulia.

Dalam menyelesaikan masalah makna ini, penterjemah menggunakan strategi meminjam terjemah perkataan *zawiyah* dan mengekalkannya dalam bentuk huruf condong untuk menunjukkan bahawa ia merupakan perkataan asing yang membawa makna tertentu. Untuk menjelaskan maksud tersebut, penterjemah meletakkan nota dalam glosari (PIB, 853 (sila lihat lampiran tiga)); *zawiyah* :

“Suatu tempat pertemuan atau tempat tinggal yang lazim bagi ahli sufi dan para *fuqara*’. Ia mungkin berupa sebuah bilik sahaja atau sebuah masjid dengan pelbagai buah bangunan luar. Raja-raja dan orang kenamaan membina *zawiyah* untuk memberikan makanan kepada orang yang memerlukan dan juga musafir serta pengembara. Menerusi Rihlah, dapat difahami bahawa *zawiyah* berperanan khusus sebagai tempat untuk mendapatkan makanan dan penginapan musafir bagi orang Islam. *Zawiyah* menggambarkan tentang persaudaraan Islam dan pelaksanaan nilai-nilai Islam seperti ihsan dan bersedekah kepada para *fuqara*’, golongan yang memerlukan dan para pengembara. Ia dibina berasaskan matlamat kemasyarakatan, keagamaan atau mengambil sempena seorang raja yang mangkat atau seorang kenamaan yang mencintai amalan yang baik.”

Dengan memberikan takrifan seperti ini dalam glosari, penterjemah secara konsisten menggunakan istilah *zawiyah* dalam teks PIB untuk mengakulturasi makna tersebut ke dalam BM.

4.2.1.2 Klasifikasi Kedua : Masalah Menterjemah Makna Denotasi Berdasarkan Geografi (*Geographical Realia*)

Dalam sub-topik ini, item leksikal yang mempunyai ciri-ciri geografi yang sukar diterjemahkan seperti yang dinayatakan oleh Florin (1993) akan dianalisis

Data 3 : *International Realia*

وكان بها فاضل من كبرائها وهو الصاحب عز الدين القلانسي له مآثر
ومكارم وفضائل وإثثار. وهو ذومال عريض. وذكروا أن الملك

الناصر لما قدم دمشق أضافه وجميع أهل دولته ومماليكه وخواصه ثلاثة أيام، فسماه إذ ذاك بالصاحب.

RIB, 1964: 106

Di kota Damsyik juga ada seorang yang ternama dari kalangan pembesar kota itu yang bernama al-Sahib `Izzuddin al-Qalanisi. Selain seorang hartawan, beliau memiliki tingkah laku yang mulia, pemurah dan berhemah. Mereka menceritakan bahawa apabila al-Malik al-Nasir tiba di Damsyik, `Izzuddin melayan baginda dan semua wazir, *mamluk* serta pegawai utamanya selama tiga hari. Sempena peristiwa itulah al-Malik al-Nasir menganugerahkan gelaran “al-Sahib” kepada `Izzuddin.

PIB, Bab 2: 120

Dalam contoh ini, perkataan *ممالك/مملوك* *mamluk* bukan sekadar membawa makna denotasi “hamba”. Makna kamus seperti yang ditakrifkan oleh Kamus al-Mu`jam al-Wasit (1994, vol.2:886) *العبد : المملوك* yang bermaksud “hamba” kurang jelas dalam menggambarkan golongan hamba *mamluk* ini yang pernah mencapai reputasi hebat dalam tamadun dunia yang silam.

Perkataan *mamluk* mempunyai latar belakang sejarahnya tersendiri yang membezakannya daripada hamba biasa. *Mamluk* merupakan *realia* antarabangsa yang telah diterima luas untuk menggambarkan kerajaan *Mamluk* yang pernah memerintah Syam dan Mesir.

Kamus *The New Oxford Dictionary of English* menghuraikan:

Mameluke : a member of a regime that formerly ruled parts of the Middle East. Descended from slaves, they ruled Syria (1260-1516) and Egypt (1250-1517), and continued as a ruling military caste in Ottoman Egypt until massacred by the viceroy Muhammad Ali in 1811 – ORIGIN from French *mameluk*, from Arabic *mamluk* (passive participle used as a noun meaning 'slave'), from *malaka* 'possess'.

The New Oxford Dictionary of English 1998, 1121

Dalam konteks terjemahan di atas dan terjemahan teks RIB keseluruhannya, penterjemah secara konsisten menggunakan strategi pinjam terjemah untuk menterjemah perkataan *mamluk*. Penulis-penterjemah bertujuan memelihara hubungan istilah *mamluk* ini dengan kerajaan Mamluk yang dibina oleh *mamluk-mamluk* itu sendiri. Oleh sebab itulah, penterjemah mengelakkan penggunaan perkataan hamba untuk menterjemah *mamluk*, kerana ia bersifat neutral dan tidak memberi apa-apa isyarat kepada makna hamba sebagaimana yang kita ketahui. Penterjemah juga menerangkan maksud *mamluk* ini dalam glosari pada halaman 847; *Mamluk* : “hamba sahaya; seorang pemerintah berbangsa Turki yang memerintah Mesir dan Syam di bawah pemerintahan kerajaan *Mamluk*.”

Data 4 : Realia regional

قال الشيخ أبو عبد الله : كان خروجي من طنجة مسقط رأسي في يوم الخميس الثاني من شهر الله رجب الفرد عام خمسة وعشرين وسبعائة معتمدا حج بيت الله الحرام وزيارة قبر الرسول، عليه أفضل الصلاة والسلام.

RIB, 1964: 14

Kata Syeikh Abu 'Abdillah, "Aku keluar meninggalkan Tanjah, tempat aku dilahirkan pada hari Khamis yang kedua dalam bulan **Rejab yang unggul**, bulan Allah s.w.t, tahun 725 H. dengan niat untuk menunaikan haji di Baittullah al-Haram dan menziarahi makam Rasulullah s.a.w."

PIB: Bab 1, 16

Dalam contoh ini, perkataan رجب الفرد merupakan realia *regional* bagi dunia Islam dan umat Islam yang menggunakan bulan-bulan Islam. Walaupun contoh ini tidak memberikan masalah besar kepada penterjemah RIB kerana bulan Rejab dan lain-lain nama bulan Islam digunakan dalam BM, tetapi kata sifat nama الفرد (*al-fard*) yang bermaksud 'yang unggul' bagi bulan Rejab jarang sekali digunakan dalam BM. Dalam manuskrip mentah terjemahan PIB, jelas dapat dilihat bahawa penterjemah telah meninggalkan penterjemahan perkataan *al-fard* ini. Selepas manuskrip ini disunting semula berulang kali, penterjemah telah memasukkan makna 'yang unggul' tersebut ke dalam teks terjemahan PIB.

Kes ini menunjukkan bahawa penterjemah merasa janggal berhadapan dengan dunia wacana RIB yang asing dan berbeza dengan dunia wacana dan

pengalaman yang difahami dan pernah dilaluinya. Lantaran itu, perhatian penterjemah adakalanya mengabaikan perkataan yang pada anggapannya tidak begitu penting dan boleh diabaikan.

Di sinilah sebenarnya penterjemah perlu prihatin dan berusaha membawa nilai-nilai asing tersebut ke dalam terjemahan, iaitu dengan cara menterjemahkan perkataan *al-fard* tersebut ke dalam BM dengan makna (Rejab) 'yang unggul'. Ini adalah kerana, sekiranya penterjemah menterjemahkan bulan Rejab sahaja tanpa kata sifat nama 'yang unggul' pun sudah menyampaikan maksud bulan Rejab tersebut. Akan tetapi, menterjemahkan perkataan *al-fard* kepada 'yang unggul' dapat memberi impak yang berlainan kepada pembaca bahawa mereka sedang membaca teks yang kandungannya adalah berlainan daripada teks yang biasa difahami dalam dunia wacana mereka. Menurut Gibb (1956, vol 1, 8), bulan Rejab dalam masyarakat Arab merupakan suatu bulan yang suci yang dikaitkan dengan amalan menunaikan ibadah haji atau 'umrah di Makkah. Oleh sebab itu, tidak hairanlah terdapat sifat nama 'yang unggul' untuk kata nama Rejab dalam teks RIB yang klasik ini.

4.2.1.3 Klasifikasi Ketiga : Masalah Menterjemah Makna Denotasi Berdasarkan Masa (*Temporal Realia*)

Dalam sub-topik ini, kesukaran menterjemah sebagaimana yang dinyatakan oleh Florin (1993) adalah dengan melihat item leksikal dari segi makna kontemporarinya yang difahami pada zaman moden yang berbeza dari segi

maknanya berdasarkan sejarah. Di sini, penulis mengambil contoh nama tempat. Nama tempat sering membawa rujukan makna yang berbeza dari segi makna kontemporari dan makna sejarah disebabkan perubahan politik dan sosial yang berlaku. Hal demikian wujud dalam teks RIB yang sudah berusia 640 tahun.

Data 5 : Nama Tempat

فبت بمصر ليلة واحدة وقصدت بلاد الشام، وذلك في منتصف
شعبان سنة ست وعشرين وسبعمائة.

RIB, 1964: 53

Aku hanya tinggal semalam sahaja di Mesir sebelum berangkat ke **Syam**. Pengembaraanku bermula pada pertengahan bulan Syaaban, tahun 726 H.

PIB, Bab 2: 64

Dalam contoh ini, penterjemah berhadapan masalah makna denotasi yang merujuk nama tempat. Apabila menterjemahkan teks klasik, penterjemah akan menghadapi masalah nama-nama tempat yang mengalami perubahan dari segi geografi dan politik. Penterjemah menghadapi konflik untuk sama ada mengekalkan ejaan asalnya atau menyesuaikan dengan nama baru yang digunakan secara meluas oleh buku dan media. Inilah isu yang perlu dikaji sebagaimana pernah dinyatakan dalam Bab 1 bahawa karya terjemahan RIB membawa pertentangan dari segi budaya, dunia wacana dan juga masa. Masa boleh merubah tafsiran manusia terhadap sesuatu benda atau perkara.

maknanya berdasarkan sejarah. Di sini, penulis mengambil contoh nama tempat. Nama tempat sering membawa rujukan makna yang berbeza dari segi makna kontemporari dan makna sejarah disebabkan perubahan politik dan sosial yang berlaku. Hal demikian wujud dalam teks RIB yang sudah berusia 640 tahun.

Data 5 : Nama Tempat

فبت بمصر ليلة واحدة وقصدت بلاد الشام، وذلك في منتصف
شعبان سنة ست وعشرين وسبعمائة.

RIB, 1964: 53

Aku hanya tinggal semalam sahaja di Mesir sebelum berangkat ke **Syam**. Pengembaraanku bermula pada pertengahan bulan Syaaban, tahun 726 H.

PIB, Bab 2: 64

Dalam contoh ini, penterjemah berhadapan masalah makna denotasi yang merujuk nama tempat. Apabila menterjemahkan teks klasik, penterjemah akan menghadapi masalah nama-nama tempat yang mengalami perubahan dari segi geografi dan politik. Penterjemah menghadapi konflik untuk sama ada mengekalkan ejaan asalnya atau menyesuaikan dengan nama baru yang digunakan secara meluas oleh buku dan media. Inilah isu yang perlu dikaji sebagaimana pernah dinyatakan dalam Bab 1 bahawa karya terjemahan RIB membawa pertentangan dari segi budaya, dunia wacana dan juga masa. Masa boleh merubah tafsiran manusia terhadap sesuatu benda atau perkara.

Stewart pernah membicarakan masalah seumpama ini dalam karya *The Crystal Cave*. Menurut beliau, “*No novelist dealing with Dark Age Britain dares venture into the light without some pen-service to the Place-Name Problem.*” (1978, 292) Walau bagaimanapun, Stewart menyelesaikannya dengan cara, “*wherever there was a choice of names I have tried to use the one that will most immediately put the reader in the picture.*” (*ibid.*: 292) Menurut beliau lagi, “*I have allowed myself to be governed by the rules of poetry: what communicates simply and vividly, and sounds best, is best.*” (*ibid.*: 293)

Dalam konteks karya PIB, penterjemah kadang-kadang mengekalkan nama lama yang dianggap lebih dekat dengan hati pembaca. Misalnya, nama Syam dikekalkan walaupun tempat itu kini dikenali sebagai Syria. Nama Syam turut dikekalkan kerana negara berkenaan dahulunya mempunyai sempadan geografi dan politik yang berbeza daripada Syria yang ada pada masa ini. Dalam contoh ini, penterjemah RIB telah menjelaskan dalam nota hujung pada halaman 125, “Syam atau Syria dahulunya meliputi Palestin, Lubnan, Jordon dan Syria.” Kamus Dewan (1994, 1333) masih memasukkan entri perkataan Syam ini dengan makna ‘negeri Syria’ tetapi Kamus *The New Oxford Dictionary of English* (1998) tidak lagi memasukkan nama Syam atau Sham ini dalam entrinya.

Penterjemah RIB menggunakan strategi sedemikian adalah demi memelihara nilai klasik karya RIB. Karya terjemahan yang ingin dihidangkan kepada pembaca adalah maklumat dan gambaran yang menceritakan tentang situasi dan fakta pada zaman Ibn Battutah pada kurun ke-14 Masehi. Apa yang penting buat penterjemah ialah fakta yang tepat dan relevan dengan zaman

tersebut. Walau bagaimanapun, untuk tidak mengelirukan pembaca, penterjemah tetap menjelaskan persoalan tentang nama Syam dan Syria tersebut dalam nota hujung.

4.3 Makna Konotasi

Dalam sub-topik ini, penulis akan melihat masalah penterjemahan yang melibatkan makna konotasi dalam teks RIB berdasarkan model Baker, seperti yang dinyatakan dalam Bab 3. Berdasarkan pandangan Baker, hanya terdapat dua klasifikasi bagi masalah makna konotasi. Pertama ialah perbezaan makna konotasi adalah sederhana atau kecil antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Kedua, perbezaan makna konotasi adalah ketara antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

4.3.1 Klasifikasi Pertama : Perbezaan Makna Konotasi Yang Sederhana atau Kecil Antara Bahasa Sumber dan Bahasa Sasaran (RIB/PIB)

Data 6

قال الشيخ أبو عبدالله : كان خروجي من طنجة مسقط رأسي في
يوم الخميس الثاني من شهر الله

رجب الفرد عام خمسة وعشرين وسبعائة معتمدا حج بيت الله
الحرام وزيارة قبر الرسول، عليه أفضل الصلاة والسلام.

Kata Syeikh Abu 'Abdillah, "Aku keluar meninggalkan Tanah, tanah kelahiranku pada hari Khamis yang kedua dalam bulan Rejab yang unggul, bulan Allah s.w.t, tahun 725 H. dengan niat untuk menunaikan haji di Baittullah al-Haram dan menziarahi **makam** Rasulullah s.a.w."

PIB, Bab 1: 16

Dalam contoh ini, penterjemah menghadapi masalah makna konotasi untuk menterjemahkan perkataan *قبر* (*qabr*) daripada BA kepada BM dengan padanan kubur. Perkataan kubur dalam BM adalah lebih sesuai untuk merujuk tempat orang awam dikebumikan. Bagi orang yang lebih mulia dan tinggi kedudukannya, makam merupakan perkataan yang lebih sesuai. Perkataan makam membawa konotasi bahawa orang yang disemadikan itu merupakan orang yang mulia, berkedudukan dan dihormati dalam masyarakat. Berbanding perkataan kubur, perkataan makam dapat mengangkat kedudukan orang yang telah meninggal dunia tersebut ke kedudukan yang lebih tinggi. Hal ini akan dapat dirasakan oleh emosi pembaca. Kamus Dewan (1994,845) jelas mendokong fakta di atas dengan memberikan makna berikut : makam - kubur (digunakan untuk orang yang dihormati seperti keluarga diraja, pahlawan, dsb).

Dalam menyelesaikan masalah makna konotasi ini, penterjemah merujuk faktor budaya bahasa sasaran iaitu budaya Melayu. Dengan memahami konteks yang sesuai untuk bahasa sasaran, penterjemah menggunakan kaedah pendomestikan terjemahan iaitu menyesuaikan terjemahan dengan budaya tempatan, untuk menjadikan terjemahan lebih hidup dan bertenaga dalam dunia pembaca terjemahan. Dalam PIB, penterjemah secara konsisten menterjemahkan *قبر* dengan padanan makam apabila orang yang disemadikan itu ialah orang yang

terhormat, mulia dan ternama seperti nabi-nabi, para sahabat, wali-wali, sultan-sultan, raja-raja, pemimpin masyarakat dan 'ulama.

Data 7

فقال : إنما قصدي سماعك لها، وأما العطاء فقد أعطيت الناس
وأجزلت جزاك الله خيرا. قال : فافعل. فأنشده : أنت
الخصيب وهذه مصر فتدفقا فكلا كما بحر

RIB, 1964: 49

Penyair itu berkata, "Niatku hanyalah supaya kamu mendengarnya. Tentang hadiah, sesungguhnya kamu telah mengurniakan hadiah yang banyak kepada manusia. Semoga Allah memberikan balasan kepadamu dengan kebaikan." Khasib lalu berkata, "Ucapkanlah (kasidah itu)!" Penyair itu pun bermadah:

"Kamulah Khasib dan inilah Sungai Nil
sering melimpah kerana kamu berdua ialah **lautan**."

PIB, Bab 1: 54

Dalam contoh syair ini, penyair kasidah ini menyamakan Khasib, seorang insan yang pemurah dan Sungai Nil dengan lautan. البحر (*al-bahr*) iaitu lautan dalam BA mempunyai konotasi seorang yang pemurah, banyak membuat kebaikan atau seorang yang mempunyai ilmu yang luas (Kamus al-Mu'jam al-Wasit, al-mujallad al-awwal, 1973: 40). Walau bagaimanapun, BM tidak mempunyai konotasi yang sedemikian rupa untuk perkataan lautan. Konotasi lautan yang ada dalam BM ialah kumpulan sesuatu benda yang amat banyak (Kamus Dewan, 1994: 773). Contoh ini menunjukkan terdapat perbezaan dari segi makna konotasi antara dua bahasa. BA menunjukkan konotasi sifat pemurah atau

berilmu pengetahuan luas sementara BM menunjukkan suatu makna yang lebih neutral iaitu sekadar menyatakan bahawa sesuatu benda didapati terlalu banyak.

Apabila penterjemah merujuk faktor leksis dan budaya BM bagi perkataan lautan yang tidak mempunyai konotasi yang sedemikian rupa seperti BA, penterjemah mengambil keputusan mengekalkan terjemahan perkataan *al-bahr* sebagai lautan tetapi dengan memberikan penjelasan melalui sebuah nota hujung. Nota hujung Bab 1, nombor 25 pada halaman 61 menyebut “Maksud metaforik “lautan” dalam syair ini ialah Khasib dan Sungai Nil, kedua-duanya bersifat amat dermawan.”

Dalam contoh ini, adalah jelas bahawa melihat kepada faktor leksis dan budaya dapat mendedahkan masalah persilangan makna dan budaya antara satu bentuk leksikal yang membawa makna denotasi yang sama tetapi makna konotasi yang berbeza berdasarkan dunia wacana dan budaya masing-masing. Penterjemah perlu menapis perbezaan ini dan mengakulturasinya demi kebaikan pembaca sasaran yang belum lagi memahaminya sepertimana pembaca asal teks RIB.

Data 8

وبخارجها زاوية الشيخ شهاب الدين بن عبد الغفار، وزاوية الأفرام،
وبها اجتماع الفقراء المتجردين في شهر رمضان من كل سنة.

RIB, 1964: 52

Di zawayah inilah tempat berlansungnya perhimpunan golongan *faqir* yang menolak kenikmatan dunia pada bulan Ramadan setiap tahun.

PIB, Bab 1:57

Dalam contoh ini, istilah الفقراء / الفقير (*al-faqir/al-fuqara'*) diterjemahkan dengan padanan *faqir* dalam huruf condong. Dalam konteks ayat di atas, *al-faqir* dalam BA mempunyai konotasi seorang sufi yang bersifat zuhud, berpaling daripada dunia dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada Allah Ta'ala. Akan tetapi, perkataan fakir yang terdapat dalam BM lebih difahami dalam dunia wacana BM sebagai orang yang lebih susah daripada orang yang miskin. Walaupun Kamus Dewan (1994: 348) juga memberikan makna tersebut iaitu "orang yang sengaja atau dengan kerelaan sendiri mengalami atau menanggung pelbagai kekurangan dalam hidupnya untuk mendapat kesempurnaan batin", namun perkataan "fakir" yang bermaksud sebagai orang yang lebih susah daripada miskin akan datang terlebih dahulu dalam pemikiran pembaca BM apabila membaca PIB.

Untuk mengatasi masalah ini, penterjemah dalam karya terjemahan PIB, secara konsisten mengeja fakir sebagai *faqir* dengan huruf condong. Ejaan sedemikian akan memberikan petunjuk dan konotasi yang berbeza kepada pembaca berbanding apabila mereka menemui perkataan fakir yang merujuk makna orang yang lebih susah daripada orang miskin. Makna fakir dengan maksud orang yang susah juga terdapat dalam PIB dan ini juga boleh menimbulkan konflik dari segi makna kepada pembaca. Kesimpulannya di sini, strategi mengeja perkataan berdasarkan sebutan Arab dengan huruf condong dapat mewujudkan kesedaran kepada pembaca tentang konotasi yang berbeza yang dibawa oleh sesuatu perkataan yang diterjemahkan. Ini juga dapat membawa nilai-

nilai pengasingan terjemahan seperti yang digesa oleh Venuti (1995). Walau bagaimanapun, untuk memudahkan pembaca, penterjemah menyediakan penjelasan dalam glosari pada halaman 842; *faqir/fuqara'* : "Orang yang mengetepikan keseronokan dunia dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada Allah Ta'ala; orang yang sengaja atau dengan kerelaan sendiri mengalami atau menanggung pelbagai kekurangan dalam hidupnya untuk mendapat kesempurnaan batin. Dalam bahasa Parsi, *faqir* disebut sebagai "darwis".

Contoh ini sebenarnya menggambarkan bahawa proses akulturasi memerlukan masa sebagaimana yang dinyatakan oleh Lefevere. Contoh ini juga menunjukkan bahawa apabila sesesuat bahasa contohnya BM meminjam perkataan daripada bahasa lain seperti BA, adakalanya ia akan mempopularkan makna yang tertentu dan menenggelamkan makna yang lain. Di sinilah, penterjemah perlu mengatur strateginya untuk menarik perhatian pembaca kepada makna yang sudah tenggelam itu supaya ia nampak berbeza dengan maksud yang biasa difahami oleh mereka.

Data 9

ثم وصلت إلى مدينة مصر، هي أم البلاد وقرارة فرعون ذي الأوتاد

RIB, 1964: 36

Akhirnya aku sampai ke kota Mesir (Kaheerah). Mesir ialah sebuah ibu kota dan tempat bersemadinya Fir'aun yang zalim.

PIB, Bab 1, 40

Data leksikal ini merupakan contoh yang menarik tentang permasalahan makna konotasi. Perkataan ذِي الْأَوْتَادِ (*zi al-awtad*) yang terdapat dalam ayat di atas secara literal bermaksud 'yang mempunyai pasak-pasak khemah'. Persoalannya, apakah hubungan Fir'aun dengan pasak-pasak khemah? Talal Harb (t.t., 55) menyatakan bahawa:

سَمِي فِرْعَوْنُ بِذَلِكَ لِكَثْرَةِ حَنْدِهِ وَبِالتَّالِي كَثْرَةِ خِيَامِهِ وَأَوْتَادِهَا أَوْ لِأَنَّهُ
كَانَ يَدُقُّ لِمَنْ يَرِيدُ تَعْذِيْبَهُ أَرْبَعَةَ أَوْتَادٍ يَرْبِطُهُ إِلَيْهَا وَيَعْذِبُهُ

Talal Harb (t.t., 55)

"Fir'aun dinamakan sedemikian kerana ia mempunyai banyak tentera, khemah dan pasak khemah. Mungkin juga kerana ia memahat empat batang pasak dan mengikat orang yang ingin diazabnya pada pasak tersebut dan kemudian menyiksanya."

Talal Harb (t.t., 55)

Walau bagaimanapun, teks asal hanya bermaksud "Fir'aun yang mempunyai pasak-pasak khemah". Sebenarnya makna yang dikehendaki di sini ialah makna konotasi bagi perkataan "yang mempunyai pasak-pasak khemah" iaitu yang melambangkan Fir'aun sebagai seorang yang zalim.

Dalam contoh ini, penterjemah menyelesaikan masalah terjemahan tersebut dengan terus memilih makna konotasi tersebut iaitu 'yang zalim' dan terus memasukkannya dalam teks terjemahan PIB. Konotasi 'yang zalim' sesuai dengan sifat Fir'aun yang mengaku dirinya tuhan, mempunyai banyak tentera dan khemah serta zalim terhadap rakyat jelata dengan menyiksa mereka. Contoh ini menunjukkan bahawa dalam sesetengah keadaan, penterjemah boleh menyelesaikan masalah makna secara lebih pragmatik dengan melihat makna

konotasi sesuatu perkataan dan terus memasukkannya dalam teks terjemahan sekiranya konteksnya adalah bersesuaian. Ini juga memandangkan bahawa sekiranya penterjemah memberikan makna literal “Fir’aun yang mempunyai pasak-pasak khemah” secara neutral dan literal, penterjemah gagal menyampaikan impak yang berkesan kepada pembaca. Malah, ia tidak dapat menyampaikan makna emosi yang dikandung oleh bentuk leksikal tersebut, melainkan jika pembaca sasaran mengetahui hubungan pasak-pasak khemah tersebut dengan peribadi Fir’aun yang zalim itu.

4.3.2 Klasifikasi Kedua : Perbezaan Makna Konotasi Yang Ketara Antara Bahasa Sumber dan Bahasa Sasaran (RIB/PIB)

Dalam Bab 1 dan Bab 2 PIB ini, penulis hanya menemui satu sahaja data yang benar-benar membawa perbezaan makna konotasi yang ketara antara item leksikal bahasa sumber dan bahasa sasaran. Data itu adalah yang berikut:

Data 10

وفي شرقي المسجد مقصورة كبيرة فيها صهريج ماء، وهي لطائف
الزيعة السودان

RIB, 1964: 90

Di sebelah timur masjid, terletak sebuah maqsurah yang besar. Di dalamnya ada sebuah tangki air. Ia adalah untuk satu golongan Zayali’ah al-Sudan.

PIB, Bab 2: 104

Dalam contoh ini, leksikal السودان (al-Sudan) menurut kamus (al-Mu'jam al-Wasit, al-mujallad al-awwal, 1973: 461) adalah bermaksud جيل من الناس سود البشرة (golongan manusia berkulit hitam).

Sebenarnya, penterjemah RIB dalam manuskrip mentahnya memberikan makna “negro” untuk bentuk leksikal *al-Sudan* ini. Akan tetapi, setelah teks PIB ini disunting semula, penterjemah telah membuang perkataan “negro” dan menggantikannya dengan manusia berkulit hitam. Negro merupakan perkataan yang konotasinya kini adalah penuh emosi, amat sensitif kepada golongan berkulit hitam dan amat disanggah oleh masyarakat antarabangsa. “Negro” berasal daripada perkataan *niger* atau *nigr* yang bermaksud ‘hitam’ dan merujuk pada maksud perhambaan.

Penterjemah RIB peka dan mengelakkan penggunaan perkataan Negro untuk merujuk orang berkulit hitam atas sebab yang tersebut. *The New Oxford Dictionary of English* mengukuhkan fakta ini dengan menyatakan:

The word Negro was adopted from Spanish and Portuguese and first recorded from the mid 16th century. It remained the standard throughout the 17th-19th centuries and was used by prominent black American campaigners such as W.E.B. DuBois and Booker T. Washington in the early 20th century. Since the Black Power movement of the 1960s, however, when the term black was favoured as the term to express racial pride, Negro (together with related words such as Negress) has dropped out of favour and now seems out of date or even offensive in both British and U.S. English.

The New Oxford Dictionary of English, 1998, 1241

Kini, dalam konteks bahasa Inggris, istilah *standard* yang digunakan di Britain ialah *black* sementara di Amerika pula ialah *Afro-American*: menunjukkan bahawa mereka merupakan golongan Amerika yang berasal dari Afrika. *The New Oxford Dictionary of English* menyatakan:

The term Afro-American, first recorded in the 19th century and popular in the 1960s and 1970s, has now largely given way to African American as the current accepted term in the US for Americans of African origin. In Britain, black is the standard term.

The New Oxford Dictionary of English, 1998, 30

Walau bagaimanapun, dalam contoh di atas, penterjemah menggunakan strategi pinjam terjemah dengan mengekalkan perkataan asal iaitu golongan 'Zayali`ah al-Sudan' dan menjelaskannya dalam nota hujung Bab 2. Dalam nota nombor 32, halaman 126, penterjemah mencatatkan "Zayali`ah al-Sudan bermaksud kaum Zaila' yang berkulit hitam. Kini, Zaila' ialah sebuah tempat di Somalia." Nota hujung ini menggunakan istilah 'berkulit hitam' iaitu padanan yang paling sesuai untuk perkataan *al-Sudan*. Dalam bab-bab yang lain, penterjemah secara konsisten menterjemahkan *al-Sudan* dengan padanan orang berkulit hitam secara terus dalam teks terjemahan PIB tanpa menggunakan lagi nota hujung.

Contoh ini jelas menunjukkan bahawa penterjemah perlu melihat faktor lexis dan budaya serta kaitannya dengan zaman karya RIB diterjemahkan. Mungkin sekiranya karya RIB ini diterjemahkan ke dalam BM pada kurun ke-17 – 19 Masehi dan awal kurun ke-20, penterjemah tidak akan berhadapan masalah konotasi perkataan negro serta boleh menggunakannya dalam terjemahan PIB.

Akan tetapi, oleh sebab terjemahan PIB dilahirkan pada awal kurun ke-21 dan konotasi negro telah menjadi negatif, maka penterjemah perlu mengelakkan penggunaannya. Contoh ini juga menunjukkan sekiranya penterjemah mempunyai pilihan padanan yang sensitif dari segi konotasinya, ia perlu mencari jalan penyelesaian dengan melihat lexis bahasa sasaran dan mencari perkataan yang mempunyai konotasi yang positif, diterima masyarakat dan tidak membawa kesan emosi yang negatif terhadap pembaca.

4.4 Makna Idiomatik

Dalam sub-topik ini, penulis membentangkan analisis masalah penterjemahan makna idiomatik yang terdapat dalam karya RIB. Frasa-frasa idiomatik ini dilihat berdasarkan tiga klasifikasi yang diberikan oleh taksonomi El-Sieny *et al.* (1996); frasa idiomatik *ismiyy* (bermula dengan kata nama), frasa idiomatik *fi'liyy* (bermula dengan kata kerja) dan frasa idiomatik *harfiyy* (bermula dengan kata sendi) sebagaimana yang diuraikan dalam Bab 3 yang lalu. Penulis mendapatkan makna bagi frasa idiomatik daripada kamus El-Sieny *et al.* (1996) sementara penyelesaian pula dilihat berdasarkan strategi yang dicadangkan oleh Baker (1992).

Tidak banyak frasa idiomatik Arab yang terdapat dalam kedua-dua Bab 1 dan Bab 2 karya RIB ini. Dalam Bab 1 iaitu "Barat Laut Afrika dan Mesir", hanya terdapat tujuh frasa idiomatik Arab yang ditemui. Sementara Dalam Bab 2 iaitu "Syam" hanya terdapat 3 frasa idiomatik yang ditemui. Antara tiga frasa dalam Bab 2 tersebut pula, hanya satu sahaja yang baharu sementara dua lagi merupakan

data yang sama dengan dua frasa idiomatik yang ditemui dalam Bab 1. Keseluruhannya hanya terdapat 10 frasa idiomatik Arab dalam Bab 1 dan Bab 2 karya PIB ini.

4.4.1 Frasa Idiomatik *Ismiyy*

Data 11

قال الشيخ أبو عبدالله : كان خروجي من طنجة مسقط رأسي في
يوم الخميس الثاني من شهر الله رجب الفرد عام خمسة و عشرين
وسبعائة

(RIB, 1964: 14)

Kata Syeikh Abu `Abdillah, “Aku keluar meninggalkan Tanah, **tanah kelahiranku**, pada hari Khamis yang kedua dalam bulan Rejab yang unggul, bulan Allah s.w.t. tahun 725 H.

PIB, Bab 1:16

Dalam contoh ayat di atas, *مسقط رأسي* merupakan frasa idiomatik *ismiyy* yang tersusun daripada dua perkataan iaitu *مسقط* dan *رأسي*. *مسقط* bermaksud tempat gugur dan *رأس* bermaksud kepalaku. Secara literal, *مسقط رأسي* bermaksud “tempat gugur kepalaku”. Walau bagaimanapun, makna perkataan-perkataan ini bukanlah makna sebenar frasa idiomatik ini. Menurut El-Sieny *et al.*, *مسقط رأسي* bermaksud مكان الولادة، الوطن، بلد الإنسان iaitu tempat lahir, tanah air atau negeri seseorang insan (El-Sieny *et al.*, 122). Oleh itu, penterjemah RIB perlu memahami makna idiomatik yang terdapat dalam frasa *مسقط رأسي* tersebut yang bermaksud tempat lahir, tanah air atau negeri seseorang. Dalam contoh di

atas, penterjemah telah memberikan frasa 'tanah kelahiranku' sebagai padanan makna مسقط رأسي.

Dalam ayat seterusnya dalam teks RIB, Ibn Juzayy menerangkan tentang kelahiran Ibn Battutah.

قال ابن جزى : أخبرني أبو عبدالله بمدينة غرناطة أن مولده بطنجة في يوم الإثنين السابع عشر من رجب الفرد سنة ثلاث و سبعمائة.

RIB, 1964: 14

(Catatan oleh Ibn Juzayy: "Abu `Abdillah memaklumkan kepadaku semasa aku di kota Gharnatah bahawa beliau lahir di kota Tanjah pada hari Isnin bersamaan 17 Rejab yang unggul tahun 703 H.")

PIB, Bab 1: 16

Contoh ini menunjukkan bahawa sesuatu makna yang sukar difahami boleh diperoleh dengan membaca dan meneliti ayat seterusnya dalam teks RIB. Ini merupakan strategi yang berkesan untuk mendapatkan makna yang sebenar dalam penterjemahan. Dalam contoh ini, penterjemah menggunakan strategi penyelesaian ketiga yang diutarakan oleh Baker iaitu, menterjemahkan idiom secara parafrasa.

Data 12

يذكر أن حد القاضي فخر الدين الريفي كان من أهل ريفعة واشتغل بطلب العلم ثم رحل إلى الحجاز فوصل الإسكندرية بالعشي، وهو قليل ذات اليد، فأحب أن لا يدخلها حتى يسمع فألا حسنا.

RIB, 1964: 23

Diceritakan bahawa datuk Kadi Fakhruddin al-Righi ialah dari kalangan penduduk kota Righah. Beliau sentiasa sibuk menuntut ilmu dan kemudiannya mengembara ke Hijaz. Beliau tiba di Iskandariah pada waktu malam. Disebabkan hanya mempunyai sedikit **bekalan**, al-Righi memilih untuk tidak memasuki kota sehinggalah beliau mendengar suatu petanda yang baik.

PIB, Bab 1: 25

Dalam contoh di atas, ذات اليد merupakan frasa idiomatik *ismiyy*. ذات اليد secara literal bermaksud barang pada tangan. Makna literal ini tidak memberikan kesan yang sebenar dalam terjemahan. Menurut El-Sieny *et al.* (1996, 53), ذات اليد bermaksud ما ملكت يدها iaitu apa yang dimiliki oleh kedua-dua tangannya. Dalam terjemahan di atas, penterjemah telah memilih padanan “bekalan” iaitu sesuatu yang dibawa oleh seseorang yang pergi mengembara ke tempat lain. Perkataan bekalan merupakan perkataan yang paling sesuai berdasarkan konteks dan latar belakang teks ayat di atas. Ia juga sesuai dengan laras BM kerana penutur BM tidak akan menyebut “apa yang dimiliki oleh kedua-dua tangannya” yang janggal bunyinya.

Dalam contoh ini, penterjemah menyelesaikan masalah penterjemahan makna idiomatik dengan menggunakan strategi ketiga yang diutarakan oleh Baker, iaitu secara parafrasa atau menyatakan makna idiomatik dengan perkataan yang lain.

4.4.2 Frasa Idiomatik *Fi'liyy*

Data 13

وفي الرابع بعده وصلنا إلى مدينة طرابلس فأقمنا بها مدة وكنت
عقدت بصفاقس على بنت لبعض أمناء تونس فبنيت عليها
بطرابلس.

RIB, 1964: 19

Pada hari keempat selepas itu, kami sampai ke kota Tarabulus dan singgah di situ untuk beberapa lama. Sebelum ini, aku telah berkahwin dengan anak perempuan seorang pemegang amanah di Safaqis dan **isteriku itu diserahkan kepadaku** di Tarabulus.

PIB, Bab 1: 21

Frasa بنيت عليها (*banaitu `alaiha*) ini merupakan frasa idiomatik *fi'liyy*.

Adalah sukar untuk menterjemahkan frasa sebegini jika penterjemah bergantung kepada makna literal frasa tersebut. Makna *banaitu* ialah “aku membina” dan *`alaiha* pula “di atasnya”. Terjemahan “aku mendirikan di atasnya” tidak dapat menyampaikan maksud penulis asal. Dalam ayat di atas, penterjemah perlu memanfaatkan konteks yang terkandung dalam ayat sebelumnya iaitu, “*Sebelum ini, aku telah berkahwin dengan anak perempuan seorang pemegang amanah di Safaqis*” untuk tidak menggunakan makna literal frasa tersebut dalam terjemahan kerana ia tidak munasabah dan tidak membawa maksud yang boleh difahami.

Penterjemah perlulah dalam situasi ini membuat penyelidikan tentang maksud frasa idiomatik *fi'liyy* ini. Dalam kamus *al-Mu`jam al-Siyaqi Li al-Ta`birat al-Istilahiyah*, El-Sieny *et al.* mentakrifkan *banaitu `alaiha* sebagai *dakhala biha* dan *zuffat ilaihi* (1996,27).

- *dakhala biha* membawa maksud *melakukan hubungan jenis* atau *bersatu*
- *zuffat ilaihi* bermaksud *menyerahkan pengantin perempuan kepada suaminya* (Kamus Arab-Melayu Idris al-Marbawi, t.t.: 266).

Memandang bahawa Ibn Battutah telah mengahwini isterinya di Safaqis dan menerimanya di Tarabulus, maka pilihan yang paling wajar di sini ialah “*isteriku itu diserahkan kepadaku*”.

Contoh ini jelas memperlihatkan betapa berbezanya makna frasa idiomatik daripada makna literal perkataan-perkataan yang membentuknya (Bandingkan antara *mendirikan di atasnya* dengan *isteriku itu kemudiannya diserahkan kepadaku*). Apatah lagi frasa seperti *banaitu `alaiha* mempunyai dua pilihan makna seperti yang dihuraikan oleh El-Sieny *et al.*.

Data-data di atas jelas menunjukkan bahawa penterjemah perlu berfikir dan membuat keputusan secara rasional dan tepat seperti yang dinyatakan oleh Corbin (1980). Dengan memahami budaya masyarakat Arab dan ungkapan idiomatik mereka, tidak syak lagi akan dapat membantu meringankan kesukaran dan kerumitan seperti ini.

Data 14

ووصلت قرية تروجة وهي على مسيرة نصف يوم من مدينة الإسكندرية، قرية كبيرة بها قاض ووال وناظر، ولأهلها مكارم أخلاق و مروءة، صحبت قاضيها صفي الدين وخطيبها فخرالدين وفاضلا من أهلها يسمى بمبارك وينعت بزین الدين، ونزلت بها على رجل من العباد الفضلاء كبير القدر يسمى عبد الوهاب.

Aku tiba di Kampung Taraujah yang jaraknya mengambil masa setengah hari perjalanan dari kota Iskandariah. Taraujah ialah sebuah perkampungan yang besar, yang mempunyai seorang kadi, gabenor dan penasihat kewangan. Penduduknya berakhlak mulia dan sungguh bermaruah. Aku ditemani oleh oleh kadi Taraujah iaitu Safiyuddin dan pemitatonya, Fakhruddin selain seorang penduduk kampung ini yang baik hati bernama Mubarak dan dipanggil Zainuddin. Di kampung ini, **aku menjadi tetamu** di rumah seorang lelaki yang mulia dan sangat berwibawa bernama `Abdul Wahab.

PIB, Bab 1: 32

Dalam contoh ini, penterjemah sekali lagi berhadapan kesukaran menterjemah frasa idiomatik *fi`liyy* ini. نزلت بها على رجل (*nazaltu biha `ala rajul*) secara literal membawa maksud “aku berhenti di kampung ini atas seorang lelaki”. Makna literal ini kabur dan tidak jelas. Menurut El-Sieny *et al.*, نزل على (فلان) bermaksud حل ضيفا عليه iaitu menjadi tetamu kepadanya. Dalam contoh ini, penterjemah menggunakan strategi parafrasa dan mengakulturasi frasa idiomatik tersebut dengan frasa yang sesuai dan secukupnya dengan budaya Melayu. Frasa “aku menjadi tetamu” adalah paling sesuai untuk mengungkap makna frasa idiomatik Arab ini ke dalam BM.

4.3.3 Frasa Idiomatik *Harfiyy*

Data 15

ثم خرجت من هذه القرية فوصلت مدينة دمنهور، وهي مدينة كبيرة
جبايتها كثيرة ومحاسنها أثيرة أم مدن البحيرة بأسرها وقطبها الذي
عليه مدار أمرها.

RIB, 1964: 29

Aku berjalan lagi, meninggalkan Tarajuh hinggalah akhirnya aku tiba di Kota Damanhur. Damanhur ialah sebuah kota yang tinggi produktivitinya dan sangat indah pemandangannya. Ia merupakan ibu kota bagi **seluruh** kota di wilayah Buhaira iaitu di mana segala urusan kota tertumpu.

PIB, Bab 1: 33

Dalam contoh ini, frasa idiomatik *harfiyy* بأسرها yang digabungkan daripada *harf al-jarr* ب dan أمر secara literalnya membawa maksud “dengan tawanan”. Akan tetapi, makna idiomatik sebenar di sini ialah كل جمع، iaitu semua atau seluruh sebagaimana yang diberikan oleh El-Sieny *et al.* (1996, 23) dan Idris al-Marbawi (t.t., 20). Penterjemah memilih perkataan seluruh untuk menterjemahkan frasa idiomatik *harfiyy* ini. Pilihan perkataan seluruh ini berjaya membawa maksud frasa idiomatik ini ke dalam BM. Strategi yang dipilih oleh penterjemah kali ini ialah strategi ketiga seperti yang diutarakan oleh Baker iaitu menterjemahkan idiom dengan cara parafrasa atau menyatakan makna dengan perkataan yang lain.